



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)**

KENYATAAN TAWARAN SECARA UNDIAN

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

Bil	Butir-butir undian	Kerja undi untuk daerah	Butir-butir kelayakan	Tarikh dan waktu cabutan undian	Tempat cabutan undian
1	Cadangan Projek Selenggara Jalan Perhubungan Desa (JPD) Di Kampung Baru Bukit Pinang, Alor Setar, Kedah JPD(U)/2018/KDH03	Kontraktor Daerah Kota Setar Sahaja	Berdaftar dengan: i) BPKU - Memiliki Taraf Bumiputera ii) LPIPM (CIDB) - Gred G1 - Kategori CE - Pengkhususan CE01	Tarikh: 20 September 2018 (Khamis) Masa Pendaftaran: 9.30 - 10.30 pg Masa Undian: 10.30 - 11.00 pg	Bilik Mesyuarat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Tingkat 7, Wisma Persekutuan Jalan Kampung Baru 05000 Alor Setar, Kedah
2	Cadangan Baikpulih Surau Kampung Tok Sadu, Kuala Kedah, Kedah PAMS(U)/2018/KDH04		Berdaftar dengan: i) BPKU - Memiliki Taraf Bumiputera ii) LPIPM (CIDB) - Gred G1 - Kategori B - Pengkhususan B04	Tarikh: 20 September 2018 (Khamis) Masa Pendaftaran: 9.30 - 10.30 pg Masa Undian: 11.00 - 11.30 pg	

KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN

Syarat-Syarat Menyertai Kerja Undi:

- Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai kerja undi ini **DIWAJIBKAN** membawa sijil pendaftaran **ASAL** dan salinan fotostat sijil seperti berikut:-
 - Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB;
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)
 - Kad Pengenalan Penama seperti nama dalam sijil/lesen.
(Salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan)
 - Sijil Pendaftaran Perniagaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Kontraktor juga disarankan untuk membawa **cop syarikat** bagi memudahkan urusan pendaftaran.
- Wakil-wakil Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali menyertai proses kerja undi.
- Kontraktor yang berdaftar di daerah yang berkenaan sahaja **LAYAK** menyertai proses undian ini.
- Kontraktor-kontraktor yang tiba selepas masa **PENDAFTARAN** seperti yang ditetapkan di atas adalah **TIDAK DIBENARKAN** mendaftar untuk kerja undi ini.
- Dokumen berkenaan hendaklah diserahkan untuk semakan kepada Pegawai Perolehan yang mengendalikan kerja undi pada hari berkenaan.
- Kontraktor Gred G1 yang lesen CIDB dan BPKU diluluskan dan masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya adalah dipelawa untuk menyertai kerja undi.
- Mana-mana kontraktor yang telah berjaya mendapat projek secara undian sebelum ini adalah tidak dibenarkan menyertai undian ini.